



KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

NOTIS MALKUMAN

MORATORIUM PEMBIAYAAN KOPERKASA TAHUN 2021

Kepada,
Semua Anggota yang dihormati,

KOPERKASA sentiasa prihatin dan peka serta mengambil berat terhadap kebajikan semua anggotanya yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Justeru, Anggota Lembaga telah mengambil inisiatif untuk memberi bantuan dengan menawarkan bantuan **moratorium satu (1) bulan untuk salah satu jenis pembiayaan berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.**

Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- 1) Anggota berstatus CURRENT MEMBER sahaja.
- 2) Anggota mempunyai satu atau lebih pembiayaan dengan potongan gaji yang sedang berjalan.
- 3) Tawaran hanya diberikan kepada jumlah ansuran bulanan yang tertinggi bagi satu pembiayaan sahaja. Jenis-jenis pembiayaan adalah seperti berikut:
 - a) Pembiayaan Peribadi; atau
 - b) Pembiayaan Peribadi 2; atau
 - c) Pembiayaan Peribadi Bertindih; atau
 - d) Pembiayaan Alat & Barangan; atau
 - e) Pembiayaan Alat & Barangan Bertindih; atau
 - f) Pembiayaan Perlancongan; atau
 - g) Pembiayaan Pendidikan; atau
 - h) Pembiayaan 100%; atau
 - i) Pembiayaan Kebajikan.
- 4) Bagi pembiayaan yang baru dipohon, anggota hendaklah **TELAH** membuat bayaran ansuran melalui potongan gaji sekurang-kurangnya **mulai bulan April 2021**.
- 5) Bayaran balik hanya akan diluluskan berdasarkan permohonan sahaja (tiada bayaran balik secara automatik) dan selepas semakan oleh pihak Koperkasa.
- 6) Permohonan adalah melalui 2 pilihan cara berikut:

PILIHAN 1

Mengisi **Borang Permohonan Moratorium Pembiayaan** yang boleh diambil di semua pejabat Koperkasa yang terdekat pada waktu pejabat atau dimuat turun dari laman web Koperkasa www.koperkasa.com.my. Borang yang telah diisi boleh dihantar ke mana-mana Pejabat Koperkasa yang terdekat atau fax ke nombor 082-231650. **Borang permohonan akan dikeluarkan mulai 26 Julai 2021 sehingga 31 Ogos 2021.**

PILIHAN 2

Mengisi permohonan secara atas talian melalui pautan **“Moratorium”** dalam sistem portal **myKOPERKASA**. Pautan ini boleh digunakan mulai **26 Julai 2021 sehingga 31 Ogos 2021**. Anggota perlu mendaftar sebagai pengguna portal di <https://www.koperkasa.com.my/mykoperkasa> terlebih dahulu sebelum menggunakan pautan tersebut. Sekiranya anggota mengalami masalah untuk mendaftar sebagai pengguna portal **myKOPERKASA** sila maklumkan kepada Koperkasa dengan menghantar emel ke webmaster@koperkasa.com.my

- 7) Pembayaran balik moratorium akan dibuat mulai 1 Ogos 2021. Cara pembayaran balik adalah melalui pemindahan atas talian secara terus ke akaun bank anggota.**

Jika ada pertanyaan lanjut sila berhubung dengan pegawai kami di talian 082-424596 sambungan 111 (Bahagian Kawalan Kredit & Kutipan) pada waktu pejabat.

Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha KOPERKASA melaksanakan tanggungjawab sosial bagi membantu meringankan beban kewangan anggota yang terjejas pendapatan akibat pandemik Covid-19. Pihak kami berharap usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban anggota KOPERKASA seluruh Sarawak terutamanya anggota dalam kalangan B40.

Sekian, harap maklum.

“Kesetiaan Anggota, Keteguhan Koperasi”

Setiausaha
Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad

Tarikh: 19 Julai 2021